



## **Mandi Wajib Kerana *Wiladah* Dan Nifas**

*(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)*

Persoalan mandi wajib kerana nifas, *wiladah* (beranak), haidh dan *janabah* (berjunub) bukan hanya persoalan yang patut diketahui oleh wanita atau isteri sahaja, namun ia juga patut diketahui oleh lelaki atau suami. Lebih-lebih lagi kalau wanita itu kurang maklumat atau pengetahuannya mengenai hal-hal mandi wajib ini.

Seorang perempuan yang telah selesai melahirkan anak mempunyai kewajipan tertentu, iaitu mandi kerana *wiladah* (beranak) dan mandi kerana nifas. Mandi kerana nifas itu wajib dilakukan setelah berhenti darah nifas atau habis tempoh masa yang paling maksima bagi nifas, iaitu selama enam puluh hari enam puluh malam.

### **Mandi Kerana Nifas**

Bagi mengelak kekeliruan, darah nifas ialah darah yang keluar dari rahim perempuan selepas melahirkan anak, sekalipun hanya setitik. Bermulanya darah nifas itu keluar sebelum berlalu lima belas hari setelah seorang perempuan melahirkan anak.

Oleh yang demikian, darah yang di bawah ini tidak dianggap sebagai darah nifas, iaitu:

1. Darah yang keluar semasa hamil,
2. Darah yang keluar semasa sakit hendak melahirkan, dan
3. Darah yang keluar bersama-sama dengan anak semasa lahirnya.

Ketiga-tiga jenis darah yang disebutkan di atas adalah darah *fasad* atau darah *istihadhah*, ataupun dalam keadaan dan syarat tertentu ia dihukumkan sebagai darah haidh.

Hukum seorang perempuan yang mengalami darah *fasad* atau *istihadhah* adalah sama seperti seorang yang berada dalam keadaan berhadats kecil. Tidak diwajibkan ke atasnya mandi, cuma wajib dibersihkan darah tersebut dan memadai dengan berwudhu untuk membolehkannya menunaikan sembahyang.

### **Mandi Kerana Wiladah (Beranak)**

Menurut *syara'*, *wiladah* (beranak) itu sendiri merupakan salah satu sebab yang mewajibkan mandi. Termasuk dalam makna *wiladah* yang mewajibkan mandi itu ialah:

1. Melahirkan anak secara normal (biasa), sekalipun melahirkan tanpa basah atau tanpa darah.
2. Melahirkan anak bukan secara normal, umpamanya melahirkan anak secara pembedahan.
3. Perempuan yang mengalami keguguran anak, sama ada keguguran itu hanya berupa darah beku (*'alaqah*) atau seketul daging (*mudhghah*).

Menyentuh mengenai tiga perkara di atas, menurut hukum *syara'* seorang perempuan yang melahirkan anak dalam keadaan kering, tanpa diikuti oleh darah nifas sehingga habis tempoh 15 hari daripada hari melahirkan, dianggap sebagai *wiladah* (beranak) tanpa basah dan dia juga dihukumkan sebagai tidak mengalami nifas.

Begitu juga jika seorang perempuan mendapati darah nifasnya itu tertanggung untuk jangka masa tertentu, maka dalam hal ini, diwajibkan ke atasnya mandi kerana *wiladah* untuk mendirikan sembahyang apabila telah masuk waktu sembahyang.

Walau bagaimanapun jika sekiranya dia telah menunaikan mandi *wiladah*, kemudian dia mendapati:

- a) Darah keluar **dalam lingkungan** tempoh 15 hari daripada hari melahirkan, maka itu adalah darah nifas. Dalam hal ini, dia diwajibkan mandi sekali lagi **setelah** kering darah nifasnya. Ini kerana mandi *wiladah* yang dilakukannya terdahulu itu adalah tidak memadai untuk mengangkat hadas nifasnya.
- b) Darah keluar **setelah berlalu** 15 hari daripada hari melahirkan, maka darah itu bukan lagi dinamakan darah nifas, akan tetapi ia adalah darah haidh. Dalam hal ini, dia diwajibkan untuk mandi sekali lagi setelah kering darah haidhnya.

### **Cara Mengangkat Dua Hadats Besar**

Persoalan yang timbul di sini ialah jika seorang perempuan itu sedang mengalami dua hadats besar dalam satu masa, iaitu *wiladah* kemudian dia juga mengalami nifas. Bilakah sepatutnya dia menunaikan mandi *wiladah*? Sekiranya dia menunaikan juga mandi *wiladah* sebelum darah nifasnya kering, adakah hadatsnya kerana *wiladah* itu terangkat?

Berdasarkan pendapat Imam an-Nawawi *Rahimahullah*, jika seorang perempuan itu sedang mengalami haidh, kemudian dia berjunub, atau sebaliknya, ketika dia berjunub dia didatangi haidh, hukumnya adalah tidak sah jika dia mandi mengangkat **hadats junub** dalam keadaan dia masih haidh. Ini kerana hadats junubnya itu tidak terangkat dalam keadaan dia masih haidh.

Dapat difahami daripada petikan di atas, bahawa seseorang yang melakukan mandi *wiladah* dalam keadaan masih mengalami nifas, hadatsnya kerana *wiladah* itu tetap tidak terangkat memandangkan dia masih mengalami nifas.

Apa yang boleh dilakukannya ialah menunggu sehingga darah nifas tersebut telah kering, kemudian barulah dia mandi kerana *wiladah* dan nifas. Memadailah dengan sekali mandi sahaja untuk mengangkat kedua-dua hadats tersebut, iaitu *wiladah* dan nifas.

Ini kerana menurut ulama, sekiranya seseorang itu mengalami dua hadats besar atau lebih, hukumnya adalah sah jika dia mengangkat kesemua hadats tersebut sekaligus dengan satu mandi sahaja.

Caranya pula ialah sama ada dengan:

1. Meniatkan setiap hadats besar yang dimaksudkan. Sebagai contoh, jika dia mengalami dua hadats, iaitu nifas dan junub, maka diniatkan keduanya seperti:  
“*Sahaja aku mengangkat hadats nifas dan janabah*”.
2. Atau memadai juga hanya dengan satu niat sahaja, iaitu dengan meniatkan salah satu hadats sahaja, tanpa perlu meniatkan setiap hadats besar yang dimaksudkan.

Atau dengan satu niat yang umum merangkumi kesemua hadats yang dimaksudkan. Contoh niat yang umum itu ialah:  
“*Sahaja aku menunaikan fardhu mandi*” atau “*Sahaja aku mengangkat hadats akbar (besar)*”.

Dengan cara berniat di atas sudah memadai dan merangkumi kesemua mandi yang dimaksudkan dan tidak perlu melakukan dua mandi atau lebih secara berasingan.

Memandangkan mandi nifas itu hanya sah dilakukan apabila darah nifas telah kering atau berhenti, maka mandi *wiladah* itu boleh disatukan dengan mandi nifas dalam satu mandi sahaja apabila telah kering darah nifas. Malahan memadai juga dengan hanya satu niat sahaja, samada dengan niat mandi kerana beranak ataupun kerana nifas.

Adapun sebab kenapa perkara ini diharuskan ialah kerana kesemua mandi itu (haidh, nifas, junub dan *wiladah*) termasuk dalam kumpulan mandi yang diwajibkan oleh syara', bagi membolehkan seseorang itu menunaikan sembahyang.

Di samping itu, di bawah ini dibawakan beberapa contoh seseorang itu mengalami dua hadats besar atau lebih:

(a) Dua hadats besar.

Umpamanya: Seorang yang sedang berjunub kerana bermimpi dan kerana jimak, atau seorang perempuan sedang berjunub, kemudian dia didatangi darah haidh atau sebaliknya.

(b) Lebih daripada dua hadats besar.

Umpamanya: Seorang perempuan yang haidh, nifas dan dalam masa yang sama dia juga berjunub. Perkara ini boleh dibayangkan pada seorang perempuan yang dihukumkan mengalami haidh semasa hamil sehingga melahirkan, kemudian diikuti dengan darah nifas setelah melahirkan dan dia juga berjunub (umpamanya kerana bermimpi).

Sebagai kesimpulan, bagi perempuan yang telah melahirkan anak dan juga yang mengalami keguguran, diwajibkan ke atasnya mandi kerana *wiladah* (beranak) dan juga kerana nifas apabila telah kering darah.

Bagi perempuan yang mengalami nifas sepertimana kebiasaannya yang terjadi, maka mandi *wiladah* itu boleh disatukan dengan mandi nifas, iaitu setelah kering darah nifas. Malahan memadai juga dengan satu niat sahaja.